




TUMBUHAN seperti ekor kucing, keladi air dan meniang dapat membantu merawat air yang telah dicemar.

PESERTA tidak kisah mengotor dan membasahkan baju untuk menanam tumbuhan di tebing Sungai Penchala.



SUNGAI Penchala yang tersumbat dengan sampah sarap turut menyebabkan pencemaran bau.

PESERTA ditunjukkan dengan lebih dekat 'longkang' yang selama ini dicemari adalah sebahagian daripada Sungai Penchala.

Memulihara Sungai

Bukit Kiara merupakan sumber air bersih yang penting ke... kilometer dari puncak bukit, air yang mengalir memasuki

Ironaalam

RAMAI yang memanggil lorong-lorong saluran air berdinding konkrit di sekitar Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) sebagai longkang sedangkan ia adalah sebahagian aliran Sungai Penchala. Persepsi itu mengakibatkan tiada kesedaran dalam kalangan orang ramai untuk memulihara kebersihannya.

Di setiap saluran, banyak sampah sarap mengotori dan menyumbat laluan air. Sungai Penchala yang sepatutnya menjadi sumber air bersih kepada penduduk tidak dapat digunakan untuk tujuan itu kerana keadaannya yang kotor.

Bagaimanapun, enggan melihat keadaan itu berterusan masyarakat sekitar didedahkan dengan maklumat penting mengenai kepentingan dan keperluan menjaga serta memulihara Sungai Penchala.

Lebih menarik apabila golongan remaja dilibatkan dengan program-program penjagaan sungai itu memandangkan mereka merupakan pewaris dunia pada masa hadapan.

Sempena Hari Sungai Sedunia 2010, Global Environment Centre (GEC) dengan kerjasama Malaysian Country Water Partnership (MyCWP) menganjurkan Program Pelestarian Sungai Penchala yang berlangsung di Taman Rimba Kiara TTDI.

Turut memberi sokongan ialah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Navozymes Sdn. Bhd.

Menurut Pengarah GEC, Faizal Parish, program tersebut merupakan yang pertama kali dianjurkan di kawasan berkenaan bagi meraikan Hari Sungai Se-



PARA peserta dibawa mengelilingi TTDI untuk membuat pe...

dunia 2010 dengan harapan keadaan sungai berkenaan dapat dipulihara dalam tempoh masa lima tahun.

"Air Sungai Penchala masuk ke dalam kawasan pembangunan TTDI termasuk JPS. Justeru ia mesti dipulihara kerana 97 peratus sumber air untuk kegunaan isi rumah adalah berpunca daripada sungai.

"Sehingga kini, air Sungai Penchala tidak sesuai untuk diproses menjadi air minuman kerana pencemarannya yang teruk," katanya.

Faizal memberitahu, Sungai Penchala yang dipulihara dapat memberi manfaat yang besar kepada kehidupan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia kerana selain dapat dibangunkan menjadi kawasan rekreasi, ia menjadi habitat

ikan dan pancing.

"Untuk masyarakat, isu-isu pencemaran kap masy... sampah-s... ngai," kat...

Dalam... cemar... punca da... yang berb... han kimi... hidupan a...

"Masya... sampah k... chala yan...

KEINDAHAN sungai yang dipelihara dan dipulihara mampu menjadi tarikan untuk aktiviti rekreasi seisi keluarga.

PESERTA tidak kisah mengotor dan membasahkan baju untuk menanam tumbuhan di tebing Sungai Penchala.

ti ekor
nsiang
wat air
cemar.

Memulihara Sungai Penchala

Bukit Kiara merupakan sumber air bersih yang penting kepada biodiversiti, tetapi hanya selepas dua kilometer dari puncak bukit, air yang mengalir memasuki Sungai Penchala mula dikotori pencemaran.

Ironaalam

RAMAI yang memanggil lorong-lorong saluran air berinding konkrit di sekitar Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) sebagai longkang sedangkan ia adalah sebahagian aliran Sungai Penchala. Persepsi itu mengakibatkan tiada kesedaran dalam kalangan orang ramai untuk memulihara kebersehannya.

Di setiap saluran, banyak sampah sarap mengotori dan menyumbat laluan air. Sungai Penchala yang sepatutnya menjadi sumber air bersih kepada penduduk tidak dapat digunakan untuk tujuan itu kerana keadaannya yang kotor.

Bagaimanapun, enggan melihat keadaan itu berterusan masyarakat sekitar didedahkan dengan maklumat penting mengenai kepentingan dan keperluan menjaga serta memulihara Sungai Penchala.

Lebih menarik apabila golongan remaja dilibatkan dengan program-program penjagaan sungai itu memandangkan mereka merupakan pewaris dunia pada masa hadapan.

Sempena Hari Sungai Sedunia 2010, Global Environment Centre (GEC) dengan kerjasama Malaysian Country Water Partnership (MyCWP) menganjurkan Program Pelestarian Sungai Penchala yang berlangsung di Taman Rimba Kiara TTDI.

Turut memberi sokongan ialah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Navozymes Sdn. Bhd.

Menurut Pengarah GEC, Faizal Parish, program tersebut merupakan yang pertama kali dianjurkan di kawasan berkenaan bagi meraikan Hari Sungai Se-



PARA peserta dibawa mengelilingi TTDI untuk membuat pemetaan sungai di kawasan itu.

dunia 2010 dengan harapan keadaan sungai berkenaan dapat dipulihkan dalam tempoh masa lima tahun.

"Air Sungai Penchala masuk ke dalam kawasan pembangunan TTDI termasuk JPS. Justeru ia mesti dipulihara kerana 97 peratus sumber air untuk kegunaan isi rumah adalah berpunca daripada sungai.

"Sehingga kini, air Sungai Penchala tidak sesuai untuk diproses menjadi air minuman kerana pencemarannya yang teruk," katanya.

Faizal memberitahu, Sungai Penchala yang dipulihara dapat memberi manfaat yang besar kepada kehidupan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia kerana selain dapat dibangunkan menjadi kawasan rekreasi, ia menjadi habitat

ikan dan lokasi strategik untuk kaki pancing.

"Untuk memulihkan Sungai Penchala, masyarakat perlu didedahkan dengan isu-isu penting Sungai Penchala seperti pencemaran yang berpunca daripada sikap masyarakat sendiri yang membuang sampah-sarap sesuka hati ke dalam sungai," katanya.

Dalam pada itu katanya, sumber pencemaran Sungai Penchala banyak berpunca daripada buangan sisa industri yang berbahaya kerana mengandungi bahan kimia yang boleh memudaratkan hidupan air dan manusia.

"Masyarakat juga gemar membuang sampah ke dalam saluran Sungai Penchala yang mereka panggil sebagai long-

kang. Sampah sarap ini akhirnya masuk ke dalam sungai.

"Terdapat juga sistem pembangunan di sini yang menyalurkan sampah dari rumah terus ke dalam sungai menyebabkan proses pemuliharaan sukar dijalankan secara menyeluruh," katanya.

Sementara itu, seramai 150 orang terlibat dalam Program Pelestarian Sungai Penchala yang turut membabitkan seramai 40 orang pelajar Sekolah Menengah TTDI (1) dan Sekolah Rendah TTDI (1).

Aktiviti yang diadakan termasuk pembersihan dan pembuatan habitat sungai dengan menanam sebanyak 60 batang pokok keladi air, ekor kucing dan meniang. Para pelajar turut dibawa mengelilingi TTDI untuk aktiviti pemetaan Sungai Penchala dan bengkel pendidikan sungai.

Menurut pegawai program berkenaan, pembuatan habitat Sungai Penchala menggunakan tumbuhan sungai penting kerana akarnya dapat menyerap sisa kimia yang menyebabkan pencemaran sungai.

"Terdapat beberapa spesies tumbuh-tumbuhan yang dapat membantu mengurangkan pencemaran sungai secara semula jadi dan dapat menjadi habitat kepada ikan-ikan," katanya.

Koordinator program, Dr. K. Kalithasan berkata, adalah penting untuk generasi muda terutama komuniti TTDI mengenali sungai tempatan mereka dan isu-isu berkaitan sungai.

"Menyayangi sungai dapat memberi peluang kepada kita untuk membina kesedaran awam dan menggalakkan penyertaan lebih ramai orang.

"Diharap melalui aktiviti ini, masyarakat setempat dapat memainkan peranan mereka untuk memulihara Sungai Penchala," katanya.